

BH PILIH L2 20 (emel)

## MUTIARA KATA

"Bangsa yang tidak percaya kepada kekuatan dirinya sebagai suatu bangsa, tidak dapat berdiri sebagai suatu bangsa merdeka"

Soekarno

## SIDANG EDITOR

## PENAUNG

Datuk Dr. Firdaus Abdullah,  
Ketua Pengarah DBP.

## PENASIHAT

Hjh. Noresah Baharom,  
Pengarah Jabatan Bahasa DBP.

Othman Ismail,  
Ketua Bahagian Pengembangan,  
Bahasa Melayu DBP.

## KETUA EDITOR

Mashitah Taharin,  
(mashitah@dbp.gov.my).

## TIMBALAN KETUA EDITOR

Normala Mohamad Yusof,  
(normala@dbp.gov.my).

## EDITOR DBP

Hajjah Jais,  
(hajjah@dbp.gov.my).

Rokiah Nordin,  
(rokiah@dbp.gov.my).

Raja Masittah Raja Ariffin,  
(masittah@dbp.gov.my).

Shahrin Nizal Mohd. Nor,  
(shahrin@dbp.gov.my).

Fatimah Zahrin Mohd. Taib,  
(fatimah@dbp.gov.my).

Wan Mohd Saophy Amizul Wan  
Mansor,  
(amizul@dbp.gov.my).

Ismail Karmun,  
(karmun@dbp.gov.my).

## PENYELARAS LAMAN WEB

Noorawati Hj. Jalaluddin,  
(nora1@dbp.gov.my).

## EDITOR DAWAMA SDN. BHD.

Norida Jalaluddin,  
(norida@dawama.com.my).

## EDITOR SASTERA BHSS

Salbiah Ani,  
(bhsastera@nstp.com.my)

## REKA LETAK

Unit Grafik,  
Berita Harian.

## PENGIKLANAN

Farah Dibah,  
(farah@nstp.com.my).

## FOTO

Jalil Kasim.

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA,  
Jalan Dewan Bahasa,  
50460 Kuala Lumpur.  
Tel.: 03-2148 2875  
Faks: 03-2142 2029

## RENCANA EDITOR



## Ke Arah Kegemilangan yang Terbilang

Salam hormat,

Hanya beberapa hari lagi kita akan menyambut tahun baharu 2007. Semestinya tahun 2007 ini akan kita sambut dengan penuh bermakna kerana tahun depan genaplah 50 tahun usia kemerdekaan tanah air kita.

Sidang Editor *Klik DBP* mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2007 kepada semua pembaca *Klik DBP* yang telah banyak memberi sokongan dan kerjasama dalam menayakan kelangsungan penerbitan akhbar sisipan yang bermatlamat meningkatkan kefahaman dan kecintaan terhadap bahasa kebangsaan kita.

Sepanjang penerbitan *Klik DBP* sejak akhir tahun 2003, *Klik DBP* bukan sahaja mendapat sokongan daripada pembaca

kaum Melayu, tetapi juga daripada kaum Cina dan India daripada peringkat pelajar sekolah rendah hinggalah kepada golongan pesara. Malahan *Klik DBP* juga mendapat sambutan daripada pembaca luar negara.

Ternyata usaha murni yang kita lakukan dengan menyiarkan pelbagai kesalahan bahasa di tempat awam itu telah menimbulkan kesedaran dalam kalangan pelbagai pihak dan mendapat sokongan kerajaan.

Bagi DBP, hadiah istimewa sempena tahun baharu kelak, ialah apabila Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Y. B. Datuk Seri Dr. Rais Yatim mengumumkan bahawa Perbadanan Putrajaya menjelang tahun depan akan menukar sepenuhnya nama-nama jalan

dan tempat yang dinamai dalam bahasa asing, seperti Presint, *Boulevard* dan *Parcel* ke dalam bahasa Melayu.

*Klik DBP* menyambut baik langkah kerajaan yang telah meminta Perbadanan Putrajaya menukarkan nama-nama jalan kepada nama para pemimpin kebangsaan yang telah meninggal dunia, nama bunga atau peristiwa perjuangan negara.

Semoga tahun 2007 akan membawa negara kita ke arah kegemilangan yang terbilang ke seluruh pelusok dunia. Sama-samalah kita menjayakannya dengan kemampuan dan kapasiti yang ada pada kita, agar kemajuan yang kita kejar tidak meluputkan jati diri kita sebagai warga Malaysia yang maju mengikut acuan sendiri dengan nilai insan yang tinggi. [mashitah@dbp.gov.my](mailto:mashitah@dbp.gov.my).

## NUKLEUS Bersama Hajjah Noresah Baharom



## Penyebaran dan Perkembangan Bahasa

Bahasa ialah alat komunikasi milik sesebuah masyarakat penuturnya. Sesebuah masyarakat bahasa yang dinamai bangsa pasti mempunyai bahasanya yang tersendiri yang membezakannya dengan masyarakat penutur bahasa lain. Sesuatu bahasa itu merupakan warisan dari zaman ke zaman. Bahasa yang diturunkan atau yang diwarisi daripada satu generasi kepada satu generasi biasanya mengalami perubahan, baik dari segi bunyi, bentuk, mahupun makna. Biar pun berlaku perubahan, bahasa tersebut tetap difahami oleh penuturnya, bersesuaian dengan perkembangan zaman yang dilalui penuturnya.

Sesuatu bahasa itu juga mempunyai kawasan penuturnya. Semakin luas kawasan geografi yang dihuni oleh penutur bahasa itu, semakin tersebarlah bahasa yang berkenaan. Sesuatu bahasa itu boleh tersebar luas disebabkan banyak faktor, antaranya ialah faktor politik, seperti penjajahan, faktor sosial, ekonomi, dan budaya. Contoh yang paling klasik bagaimana sesuatu bahasa itu boleh tersebar luas disebabkan faktor politik dan kuasa ialah penyebaran bahasa Inggeris. Kini bahasa Inggeris tersebar luas ke seluruh dunia kerana faktor penjajahan, dan kuasa politik yang seterusnya membawa kepada perkembangan bahasa itu menjadi bahasa ilmu dan ekonomi pada peringkat global.

Perpindahan manusia dari satu tempat ke satu tempat untuk tujuan penyebaran agama, penghindaran daripada bencana alam, pencapaian taraf hidup yang lebih baik juga merupakan punca bagaimana sesuatu bahasa itu boleh

tersebar. Faktor perpindahan atau migrasi yang mendedahkan manusia kepada pengalaman baharu serta bahasa-bahasa lain di sekitar penempatan baharu itu merupakan faktor utama yang boleh mencetuskan perubahan kepada sesuatu bahasa itu. Bahasa pendatang dan bahasa setempat lazimnya saling mempengaruhi sehingga banyak kata boleh dipinjam atau terus diserap sebagai kata baharu bagi bahasa-bahasa yang bertembungan itu.

Di alam Melayu, bahasa asing yang pertama tersebar ke rantau ini ialah bahasa Sanskrit, dan ini terbukti daripada kosa kata yang terdapat dalam bahasa Melayu. Bahasa Sanskrit meresapi bahasa Melayu melalui pendatang India Brahmin yang mengembangkan bahasa Hindu sejak awal abad Masihi. Antara contoh kata Sanskrit yang telah meresap masuk ke dalam bahasa Melayu ialah mutiara (mutya), merpati (parapati), rupawan (rupavan), warna (varna), bahasa (basa), kata (katha), dan pertama (prathama).

Selepas itu, bahasa Arab pula mencorakkan bahasa Melayu apabila pedagang dan pendakwah Arab datang ke alam Melayu pada abad kesepuluh. Masa persinggahan yang biasanya berbulan-bulan, malahan ada juga yang bertahun-tahun itu, memberi ruang kepada pendatang ini menyebarkan bahasanya, terutama melalui pengajaran agama Islam. Sebab itulah pengaruh bahasa Arab cukup besar terhadap perkembangan kosa kata bahasa Melayu. Kata seperti awal, akhir, nafas, kudrat, fardu, was-was ialah antara contoh kata Arab yang telah lama terserap masuk ke dalam bahasa Melayu

sehingga kita tidak sedar bahawa kata yang berkenaan ialah kata pinjaman daripada bahasa Arab.

Penyerapan kata Cina dan kata Tamil dalam bahasa Melayu berlaku melalui penghijrahan orang Cina dan India ke dunia Melayu, tidak begitu meluaskan melainkan kata yang berkaitan dengan makanan Cina seperti tauhu, taucu, dan tauge. Antara contoh kata Tamil yang terserap ke dalam bahasa Melayu ialah taulan (tauran), tirai (tirai), ceti (ceti), segala (sagala), dan perisai (parisai).

Kedatangan penjajah Portugis, Belanda dan Inggeris ke dunia Melayu terus mencorakkan perkembangan kosa kata bahasa Melayu pada abad kelima belas sehinggalah ke abad kedua puluh. Antara kata Portugis yang kekal terserap sebagai kosa kata bahasa Melayu ialah bendera (bandeira), beranda (varanda), markah (marca), peluru (pellouro), dan tuala (toalha).

Kata Belanda yang terus diguna pakai sehingga hari ini ialah bengkak (winkel), bergedel (fricadel), kuota (quotum), salap (zalf), dan takal (takel). Berbanding dengan Malaysia, pengaruh bahasa Belanda lebih dirasakan di Indonesia kerana penjajahan Belanda di Indonesia jauh lebih lama berbanding dengan di Tanah Melayu.

Selepas abad ketujuh belas, pengaruh bahasa Inggeris begitu ketara dalam perkembangan kosa kata bahasa Melayu dengan penjajahan Inggeris di Tanah Melayu. Pengaruh ini terus marak dirasakan sehingga hari ini dengan perkembangan sains, teknologi, dan telekomunikasi serta asakan globalisasi.

## E-MEL

Saudara Ketua Editor,

Apakah perbezaan antara Dato' dan Datuk, mentua dengan mertua dan ibadat dengan ibadah. Mengapakah perkataan masalah disebut sebagai masaalah?

Saya mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan agar *Klik DBP* mengadakan ruangan pedoman penulisan esei yang baik.

Sekian, terima kasih.

Daripada:  
Siti Zulaiha Ja'il,  
No. 58, Kampung Sungai Kluang Laut,  
83100 Rengit,  
Batu Pahat, Johor Darul Takzim.

Saudara,

Perbezaan antara Dato' dan Datuk sudah dijelaskan dalam ruangan Surat Pembaca *Klik DBP* Bil.15 Isnin 15 Ogos 2005. Saudara boleh melayari <http://www.dbp.gov.my> dan klik pada ikon *Klik DBP* dan klik pada *Arkib* untuk mendapatkan keluaran yang lepas.

Mentua dan mertua ialah dua bentuk variasi atau kelainan ejaan yang membawa makna yang sama. Begitu juga dengan ibadah dan ibadat yang kedua-duanya merupakan variasi atau kelainan ejaan bagi kata pinjaman daripada bahasa Arab.

Pedoman Ejaan Rumi Bahasa Malaysia 1972 telah memutuskan ejaan bagi perkataan yang sebelum ini terdapat tiga bentuk ejaan, iaitu 'masaalah', 'masalah' dan 'masalah' ialah **masalah** dan harus disebut sebagaimana dieja, iaitu dalam tiga suku kata (**mas.a.lah.**) dan bukannya

masaalah.

Kami mengucapkan terima kasih atas cadangan saudara, untuk mengadakan ruangan Pedoman Penulisan Esei. Cadangan tersebut akan kami pertimbangkan.

Pengirim surat ini akan menerima cenderamata istimewa daripada *Klik DBP*. Hantarkan pendapat atau pertanyaan anda kepada Ketua Editor, *Klik DBP*, Bahagian Pengembangan Bahasa Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Jalan Dewan Bahasa, 50460 Kuala Lumpur atau e-mel: [mashitah@dbp.gov.my](mailto:mashitah@dbp.gov.my)